

**Kerajaan Salur RM24 Juta Kepada JPNIN Untuk Banteras Jenayah  
Bernama  
Jun 28, 2011**

PUTRAJAYA, 28 Julai (Bernama) -- Sebagai penghargaan dan pengiktirafan sumbangan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM24 juta untuk memperkasakan usaha-usaha memerangi jenayah di negara ini.

Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata peruntukan itu akan digunakan untuk membeli peralatan-peralatan untuk kegunaan anggota Skim Rondaan Sukarela (SRS).

Selain itu, katanya ia juga bagi pembinaan kabin untuk memudahkan anggota SRS mengadakan pertemuan, mesyuarat dan bertukar-tukar fikiran untuk kebaikan anggota-anggotanya.

"Saya juga berharap kabin-kabin yang dibekalkan akan digunakan secara bersama oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan JPNIN. Ia sebagai satu simbolik kerjasama erat antara kedua-dua jabatan yang perlu digalakkan sepanjang masa," katanya pada majlis menandatangani nota persefahaman kerjasama strategik antara Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan PDRM di sini Khamis.

Teks ucapan Hishammuddin dibacakan oleh Timbalannya, Datuk Lee Chee Leong. Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon. Pada majlis itu, JPNIN diwakili oleh Ketua Pengarahnya, Datuk Azman Amin Hassan manakala PDRM diwakili oleh Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar.

Hishammuddin juga berkata semangat kesukarelawan perlu diterapkan dan dikembangkan di semua lapisan masyarakat.

Beliau berkata selain daripada penglibatan anggota SRS dalam gelombang kesukarelawan menangani jenayah, kerajaan juga menggalakkan penyertaan anggota Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) membantu PDRM membuat rondaan di kawasan-kawasan "hotspot".

Oleh sebab itu, beliau berkata di bawah inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA), kedua-dua pasukan itu telah digemblengkan dengan mewujudkan pasukan sukarelawan polis bagi membantu PDRM bagi menjayakan program "feet on street" melibatkan seramai 3,808 anggota RELA dan 1,399 anggota JPAM.

Sementara itu, Dr Koh berkata melalui kerjasama strategik pada hari ini, PDRM akan membantu memberikan latihan kepada pegawai JPNIN, Rukun Tetangga dan SRS melalui taklimat, ceramah dan kursus.

Selain itu, beliau berkata kedua-dua agensi itu akan berkongsi maklumat yang berkaitan dengan jenayah dan menyentuh aspek keselamatan dan ketenteraman awam; kerjasama strategik dalam aspek rondaan dan pencegahan jenayah serta penglibatan SRS dan Rukun Tetangga bersama Rakan Cop berlandaskan konsep "Community Policing".

-- BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=604704>